

TIADA SIAPA AKAN DILINDUNGI — PM

Jika benar terbabit kegiatan urusanniaga saham berdasarkan maklumat dalaman

Oleh
Hanafiah Man

SHAH ALAM 16 Julai — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan bahawa kerajaan tidak akan melindungi mana-mana pihak yang didapati terlibat dalam kegiatan urusanniaga saham berdasarkan maklumat dalaman.

Serentak dengan jaminan ini, Perdana Menteri menolak tanggapan bahawa Renong, sebuah syarikat pelaburan yang sedang disiasat oleh Pendaftar Syarikat, ada kaitan dengan UMNO.

Beliau menegaskan bahawa kerajaan sedang menyiasat perkara tersebut dan tindakan akan diambil jika perkara tersebut benar berlaku.

Dato' Sri Dr. Mahathir bagaimanapun berkata, buat masa ini beliau tidak mengetahui siapa yang terlibat dan ia akan diketahui setelah seseorang itu didapati bersalah oleh mahkamah.

"Dalam perkara yang semacam ini, tidak ada orang penting atau tidak penting, cuma yang ada siapa yang buat salah dan siapa yang tak buat salah," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan Akademi Saga di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar sejak kebelakangan ini berhubung siasatan Pendaftar Syarikat (ROC) terhadap beberapa buah syarikat dan tokoh korporat yang terlibat dalam kegiatan urusanniaga saham berdasarkan maklumat dalaman.

Menurut laporan akhbar, tiga syarikat terkemuka yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan lapan tokoh pemiagaan sedang disiasat kerana dikatakan terbabit dalam kegiatan tersebut.

LIHAT MUKA 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

TIADA SIAPA AKAN DILINDUNGI -PM

Ditanya tentang siasatan yang sedang dijalankan, Perdana Menteri berkata, sekiranya maklumat lengkap berhubung dengan perkara tersebut diperolehi, siasatan akan dapat diselesaikan segera.

Menjawab pertanyaan adakah beliau telah menerima laporan tentang perkara itu, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, semua perkara tersebut adalah di bawah tanggungjawab Menteri Kewangan.

"Sebarang laporan adalah di bawah kuasa beliau (Menteri Kewangan) dan saya tidak akan mengarahkan beliau untuk membentangkan laporan itu dalam mesyuarat kabinet kerana perkara itu dalam bidang kuasanya," ujar beliau.

Diminta menjelaskan sama ada syarikat gergasi terlibat dalam siasatan itu beliau berkata, "saya tidak tahu".

Menjawab pertanyaan lain berhubung dengan laporan yang menyebut ROC sedang menjalankan siasatan ke atas Renong kerana syarikat itu dikatakan telah membeli aset UMNO, Perdana Menteri berkata, beliau tidak mengetahui tentang aset UMNO kerana ia berada dalam tanggungan pemegang Amanah Raya.

"Saya juga tidak tahu sama ada Renong telah membeli aset UMNO, sekiranya benar, ia bidang kuasa Pemegang Amanah Raya dan kita tiada hak untuk menghalang," jelas beliau.

Mengulas tentang penglibatan beberapa pemimpin UMNO dalam syarikat itu, Perdana Menteri berkata, syarikat itu sama sekali tidak mempunyai hubungan dengan UMNO.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, mungkin ada pemimpin UMNO yang menyertai syarikat itu tetapi itu tidak bermakna syarikat tersebut milik UMNO.

Mengenai Persidangan Selepas Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN (PMC) di sini pada 22 Julai ini yang akan dihadiri oleh Soviet Union, beliau berkata, kuasa besar itu boleh menjalinkan kerjasama ekonomi dengan negara anggota ASEAN tetapi perlulah terlebih dahulu mengamalkan sistem perdagangan terbuka.

"ASEAN mengamalkan pasaran terbuka oleh itu kita berharap Soviet Union juga akan melancarkan perkara yang sama sebelum kerjasama dapat dijalin," kata beliau.